

CADANGAN PINDAAN BERKAITAN PERNIAGAAN MAKANAN SEDIAAN DI RUMAH

Berikut adalah cadangan pindaan kepada Peraturan – Peraturan Kebersihan Makanan 2009:

1. Memasukkan tafsiran seperti berikut:

“perniagaan makanan sediaan di rumah” ertinya makanan yang disediakan di rumah bagi tujuan jualan atau perniagaan makanan yang sesuai pada pendapat Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa olehnya.

“amalan kebersihan makanan yang baik” ertinya semua amalan mengenai syarat dan langkah-langkah yang diperlukan untuk memastikan keselamatan dan kesesuaian makanan di semua peringkat rangkaian makanan.

2. Memasukkan peraturan baru 9A:

Peraturan 9A Amalan Kebersihan Makanan Yang Baik

(1) Tuan punya, pemunya atau penghuni premis perniagaan makanan sediaan di rumah hendaklah melaksanakan amalan kebersihan makanan yang baik yang ditetapkan oleh Pengarah.

(2) Mana – mana tuan punya, pemunya atau penghuni premis perniagaan makanan sediaan di rumah yang tidak mematuhi subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.